



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN JELAJAH WIRA MADANI 2026 SEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT PERINGKAT HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH (HOSHAS)

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad telah menyempurnakan Sambutan Hari Jururawat Sedunia Peringkat Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) sempena program Jelajah Wira MADANI Tahun 2026.

Program ini bukan sahaja menandakan perjalanan dua dekad HoSHAS sebagai institusi kesihatan utama di negeri Pahang, malah menjadi platform penghargaan terhadap komitmen, pengorbanan dan dedikasi warga kesihatan, khususnya para jururawat yang menjadi tulang belakang sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan negara.

Program sambutan ini turut diserikan dengan pelbagai pengisian termasuk penyampaian penghargaan kepada warga kerja serta pengiktirafan kepada petugas kesihatan. Sebanyak lapan (8) kategori anugerah telah disampaikan kepada lapan (8) orang penerima sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan komitmen mereka dalam perkhidmatan kesihatan di HoSHAS.

Program ini telah dihadiri kira-kira 400 peserta yang terdiri daripada warga kerja HoSHAS, pesara, bekas petugas serta rakan strategik daripada pelbagai agensi. Turut hadir jemputan dari ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dan agensi–agensi berkaitan.

Sejak mula beroperasi secara berperingkat pada tahun 2005, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) telah berkembang sebagai sebuah hospital pakar major

dengan kapasiti 650 katil serta menjadi pusat rujukan utama di negeri Pahang, khususnya bagi Kluster Pahang Tengah.

Dibina dengan kos RM480 juta, HoSHAS kini dilengkapi kemudahan rawatan komprehensif merangkumi 22 wad serta unit rawatan kritikal seperti Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Koronari (CCU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) dan *Special Care Nursery* (SCN). Keupayaan ini membolehkan hospital ini mengendalikan pelbagai kes daripada rawatan asas hingga kes-kes kompleks dan kritikal.

Sebagai *Lead Hospital* bagi Kluster Pahang Tengah, HoSHAS memainkan peranan penting dalam menyelaras perkhidmatan kesihatan bersama hospital rangkaian iaitu Hospital Jerantut, Hospital Jengka, Hospital Bentong dan Hospital Bera, sekaligus memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien dan menyeluruh kepada masyarakat.

Kementerian Kesihatan Malaysia amat menghargai sumbangan, ketabahan dan dedikasi para wira kesihatan, khususnya warga kerja HoSHAS. KKM akan terus komited memastikan kebajikan dan kesejahteraan petugas kesihatan sentiasa diberi perhatian, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan, hormat dan ihsan.

Kementerian Kesihatan Malaysia

12 Mei 2026

